

# HAK ASASI MANUSIA ANTARA PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT: ANALISIS IDEOLOGI, KEADILAN DAN FALSAFAH

## *HUMAN RIGHTS FROM ISLAMIC AND WESTERN PERSPECTIVES: AN ANALYSIS OF IDEOLOGY, JUSTICE, AND PHILOSOPHY*

Mohamad Hasmimie Mohd Yusof<sup>1\*</sup>

Safiah Binti Abd Razak<sup>2</sup>

Mohd Zulfakar bin Hj Mat Jusoh<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia (E-mail: [hasmimie@unipsas.edu.my](mailto:hasmimie@unipsas.edu.my))

<sup>2</sup> Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia (E-mail: [safiah@unipsas.edu.my](mailto:safiah@unipsas.edu.my))

<sup>3</sup> Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia (E-mail: [zulfakar@unipsas.edu.my](mailto:zulfakar@unipsas.edu.my))

\*Corresponding author: [hasmimie@unipsas.edu.my](mailto:hasmimie@unipsas.edu.my)

### Article history

Received date : 12-11-2025

Revised date : 13-11-2025

Accepted date : 22-12-2025

Published date : 29-12-2025

### To cite this document:

Mohd Yusof, M. H., Abd Razak, S., & Mat Jusoh, M. Z. (2025). Hak asasi manusia antara perspektif Islam dan Barat: Analisis ideologi, keadilan dan falsafah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 435 – 452.

**Abstrak:** *Kajian ini menganalisis pertembungan ideologi, falsafah, dan nilai antara konsep Hak Asasi Manusia (HAM) menurut perspektif Islam dan Barat. Walaupun kedua-duanya mengangkat prinsip keadilan dan maruah manusia sebagai asas kemanusiaan sejagat, perbezaan ketara muncul pada aspek ontologi, epistemologi, dan aksiologi yang membentuk worldview masing-masing. HAM Barat berakar daripada falsafah liberal-sekular dan humanisme yang bersifat antroposentrik, meletakkan manusia sebagai sumber nilai moral dan kebebasan individu sebagai hak mutlak. Sebaliknya, Islam berpaksikan paradigma teosentrik berasaskan tauhid dan maqāṣid al-sharī'ah, yang menafsirkan hak sebagai amanah Ilahi yang terikat dengan tanggungjawab sosial dan moral. Kajian ini merupakan kajian konseptual berasaskan falsafah normatif yang menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan perbandingan falsafah, dengan meneliti deklarasi antarabangsa seperti Universal Declaration of Human Rights (UDHR) serta teks-teks tradisi Islam klasik dan kontemporari. Hasil analisis mendapati bahawa perdebatan utama tertumpu pada tiga isu kritikal: (1) kebebasan beragama dan hak murtad, (2) kesetaraan gender dan feminisme, dan (3) pelaksanaan hukum syaria yang sering dianggap bercanggah dengan piawaian HAM antarabangsa. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menemukan titik persamaan dalam nilai-nilai sejagat seperti keadilan ('adl), maruah manusia (karāmah insāniyyah), dan hak untuk hidup (hifz al-nafs). Dari segi teori, dapatan menunjukkan bahawa konflik antara HAM Islam dan Barat berpunca daripada asas epistemologi yang berbeza antara rasionalisme sekular melawan wahyu tauhidi. Kajian ini menegaskan bahawa maqāṣid al-sharī'ah mampu berperanan sebagai jambatan konseptual dalam membina dialog peradaban yang lebih seimbang antara dunia Islam dan Barat, dengan menekankan bahawa hak mesti disertai tanggungjawab serta berasaskan keadilan Ilahi, bukan semata-mata kebebasan individu.*

**Kata Kunci:** *Ideologi, Keadilan, Hak Asasi Manusia, Antroposentrik, Teosentrik*

**Abstract:** *This study analyzes the ideological, philosophical, and value-based intersections between the concept of Human Rights (HR) from Islamic and Western perspectives. Although both uphold the principles of justice and human dignity as the foundation of universal humanity, significant differences emerge in their ontological, epistemological, and axiological dimensions, which shape their respective worldviews. Western HR is rooted in secular-liberal philosophy and humanism, which is anthropocentric, placing humans as the source of moral value and individual freedom as an absolute right. In contrast, Islam is based on a theocentric paradigm grounded in *tawhīd* and *maqāṣid al-sharī'ah*, interpreting rights as a divine trust bound by social and moral responsibilities. This study is a conceptual investigation based on normative philosophy, employing a qualitative approach through document analysis and philosophical comparison, examining international declarations such as the Universal Declaration of Human Rights (UDHR) as well as Islamic texts of both classical and contemporary tradition. The analysis identifies three critical areas of debate: (1) freedom of religion and the right to apostasy, (2) gender equality and feminism, and (3) the implementation of Sharia law, which is often perceived as conflicting with international HR standards. Nonetheless, the study also finds points of convergence in universal values such as justice ('*adl*), human dignity (*karāmah insāniyyah*), and the right to life (*ḥifẓ al-naḥs*). Theoretically, the findings suggest that the conflict between Islamic and Western HR stems from differing epistemological foundations, contrasting secular rationalism with revealed divine knowledge. The study emphasizes that *maqāṣid al-sharī'ah* can function as a conceptual bridge to foster a more balanced civilizational dialogue between the Islamic world and the West, underscoring that rights must be accompanied by responsibilities and grounded in divine justice, rather than solely individual freedom.*

**Keywords:** *Ideology, Justice, Human Rights, Anthropocentric, Theocentric*

## Pendahuluan

Perbahasan tentang Hak Asasi Manusia (HAM) telah menjadi salah satu topik yang hangat dalam wacana politik, undang-undang, dan falsafah kontemporari. Di Barat, konsep HAM yang berawal daripada pengalaman sejarah tertentu yang terjadi, khususnya Era Pencerahan (Enlightenment Age), revolusi politik, dan perkembangan falsafah liberalisme yang berpandangan mengutamakan kebebasan individu, kesamarataan, dan rasionalisme sebagai asas pembentukan norma sosial manusia. Sejak pengisytiharan *Universal Declaration of Human Rights (UDHR)* 1948, paradigma HAM Barat telah menjadi sebagai rujukan global dalam aspek manusiawi. Meskipun begitu ia tidak bebas daripada kritikan kerana kecenderungan yang bersifat universalisme dan sering dituduh sebagai sebuah bentuk “neo-imperialisme moral” iaitu suatu dominasi kuasa besar atau antarabangsa menggunakan nilai atau norma untuk menekan atau mengawal masyarakat lain (Donnelly, 1982; Sundaramoorthy, 2016; Danchin, 2009).

Sebaliknya, dunia Islam mempunyai tradisi teologis dan normatif atau boleh dikatakan standard yang berbeza dalam memahami martabat manusia dan hak asasi. Sumber utama al-Quran dan al-Sunnah telah membentuk asas kepada kerangka HAM Islam yang berpaksikan tauhid, *maqāṣid al-sharī'ah* (Almahfali & Avery, 2023), dan konsep *istikhlaf* (*vicegerency*) iaitu manusia sebagai khalifah Allah SWT di bumi (Asiah, 2018; Asnawi, 2012). Dalam kerangka ini, kebebasan manusia diiktiraf tetapi ia tertakluk pada prinsip moral dan tanggungjawab

kepada Allah SWT. Dengan kata lain, Islam tidak melihat hak sebagai satu perkara mutlak, tetapi sebagai amanah (*trust*) yang mesti diseimbangkan dengan kewajiban tertentu.

## Tinjauan Literatur

### Evolusi Konsep Hak Asasi Manusia di Barat

Hak asasi manusia dalam tradisi Barat adalah berakar daripada falsafah zaman Pencerahan dan perkembangan liberalisme yang menekankan hak individu sebagai asas masyarakat. Pemikir seperti John Locke menegaskan hak semula jadi (*natural rights*) atas dasar “*life, liberty, and property*” (Mare et al., 2024) yang kemudiannya mempunyai pengaruh dan menjadi asas kepada Declaration of Independence (1776) di Amerika Syarikat (Asadi, 2015; Kenneth, 1996). Jean-Jacques Rousseau pula menekankan kontrak sosial sebagai asas kesepakatan masyarakat (Božilović & Nikolajević, 2022), manakala Immanuel Kant menegaskan maruah manusia (*dignity*) berasaskan akal moral (Dall'Agnol, 2017).

Perkembangan terhadap hak-hak tersebut pula diperkukuh selepas Perang Dunia II, yang melahirkan *Universal Declaration of Human Rights (1948)*. UDHR kemudian menjadi dokumen normatif yang dijadikan piawaian global. Namun, ramai sarjana menyatakan bahawa HAM Barat tersebut terlalu berakar pada liberalisme individualistik, menjadikannya universal hanya dalam wacana, tetapi etnosentrik dalam praktik (Donnelly, 2021).

### Kritik Terhadap Universalisme HAM Barat

Sejumlah sarjana dari dunia bukan Barat mengkritik universalisme HAM Barat. Mutua (2002) misalnya, menghuraikan “*the savages–victims–saviors*” *metaphor* dalam karyanya *Human Rights: A Political and Cultural Critique*, di mana Barat memposisikan dirinya sebagai penyelamat dunia. Perspektif ini turut disokong oleh kajian terkini, yang menyorot bahawa penyebaran HAM Barat melalui globalisasi sering dipengaruhi oleh agenda geopolitik dan hegemoni (Darajati & Syafei, 2020; Almahfali & Avery, 2023). Gabungan hujah terdahulu dan kajian terkini menunjukkan bahawa kritikan terhadap universalisme HAM bukan sekadar bersifat teoretikal, tetapi juga berlaku dalam praktik dan konteks kuasa global.

Kajian Alfian & Teuku Muzaffarsyah (2023) menyorot bagaimana terminologi hak asasi manusia sering menimbulkan pertembungan epistemologi antara perspektif Islam dan Barat. Menurut pendekatan sekular-liberal Barat, hak dianggap bersifat mutlak dan berfokus kepada individu, manakala dalam perspektif Islam, hak adalah amanah daripada Allah yang mesti diseimbangkan dengan kewajiban individu terhadap Tuhan dan tanggungjawab sosial.

### Perspektif Islam tentang HAM

Dalam Islam, martabat manusia diiktiraf melalui ayat seperti “*wa laqad karramna bani Adam*” (QS al-Isra’ 17:70), yang menegaskan kemuliaan insan. Walau bagaimanapun, HAM dalam Islam tidak dipisahkan daripada tanggungjawab kepada Allah dan masyarakat. HAM dalam Islam, sebagaimana dibincangkan oleh Sasmita et al., (2024) menekankan peranan manusia sebagai khalifah yang mesti menjalankan peranan mereka berlandaskan maqāṣid al-sharī‘ah, dengan memberikan perlindungan hak-hak asas manusia, termasuk agama, nyawa, akal, harta, dan keturunan, serta menekankan tanggungjawab sosial dalam menegakkan kesejahteraan manusia.

Hatta HAM dalam Islam juga turut merangkumi aspek ekonomi, di mana konsep pemilikan dan harta dalam Islam menekankan bahawa segala harta adalah milik Allah dan manusia diberi

amanah untuk menggunakannya secara bertanggungjawab demi kesejahteraan ramai. Perbezaan ini menonjolkan bagaimana HAM dalam Islam menekankan keseimbangan antara hak dan kewajiban, serta tanggungjawab sosial, berbeza dengan pendekatan Barat yang lebih menekankan kepentingan individu (Asriadi et al., 2023).

### **Keadilan sebagai Teras HAM Islam**

Keadilan ('*adl*) merupakan prinsip utama dalam Islam yang menjadi asas perlindungan hak asasi manusia. Karimullah (2023) menegaskan bahawa keadilan dalam undang-undang Islam bukan sekadar konsep normatif, tetapi mempunyai aplikasi praktikal yang luas dalam menangani pelbagai isu kemanusiaan kontemporari, termasuk hak pelarian, perlindungan minoriti, pengurangan ketidaksetaraan ekonomi, dan penyelesaian konflik secara damai. Hal ini menunjukkan bahawa prinsip Islam menyediakan rangka kerja etika dan sosial yang membolehkan hak asasi manusia dihormati dan kesejahteraan masyarakat ditegakkan secara menyeluruh.

### **Isu-isu Kontemporari berkaitan Gender, Kebebasan Beragama, dan Politik**

Literatur menunjukkan bahawa titik konflik utama antara Islam dan Barat dalam wacana HAM berkisar pada isu utama seperti kebebasan menukar agama sebagaimana disebut dalam artikel 18 UDHR, kesetaraan gender Artikel 2, perkahwinan silang agama Artikel 16(1). Barat cenderung menekankan kebebasan individu tanpa sekatan yang sememangnya menurut kerangka liberal, manakala Islam menekankan kebebasan dalam kerangka syariah.

Menurut Afdal & Waston (2015), UDHR yang dirangka adalah bersifat seperti dua mata pisau yang telah membawa kepada penafsiran yang membolehkan diaplikasikan kepada pihak yang berkepentingan untuk melepaskan diri daripada agama. Artikel-artikel dalam UDHR sering kali menjadi rujukan secara global sehinggakan terdapat dakwaan dan pandangan mengatakan agama bersifat menindas. Contohnya, perbahasan mengenai hak untuk murtad sering dijadikan hujah oleh sarjana Barat untuk menuduh Islam tidak menghormati kebebasan untuk memilih beragama atau tanpa beragama (Stahnke & Blitt (2005). Begitu juga menurut daripada pihak Barat mendakwa bahawa Islam bersifat diskriminatif terhadap wanita, khususnya dalam isu hak perkahwinan, perceraian, dan pewarisan (Čustović, 2025). Dakwaan ini berpunca daripada perbandingan dengan piawaian *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) yang menekankan kesamarataan gender mutlak dan berdasarkan *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW).

Sebaliknya, sarjana Islam menegaskan bahawa konsep kebebasan dalam Islam berbeza daripada kerangka Barat yang bersifat antroposentrik dan menjadikan manusia sebagai pusat pertimbangan. Dalam Islam, kebebasan perlu diseimbangkan dengan kestabilan sosial dan perlindungan akidah. Hak dan kebebasan asasi diiktiraf sebagai fitrah yang dimiliki setiap manusia, namun ia tidak bersifat mutlak atau tanpa batas, sebaliknya terikat dengan prinsip teosentrik, iaitu selaras dengan kehendak dan ketetapan Ilahi (Sasmita et al., 2024). Konsep hak asasi manusia dalam Islam turut bersepadu dengan kewajiban untuk menghormati, menegakkan, dan melindungi hak tersebut, sekali gus mewujudkan keseimbangan antara hak dan tanggungjawab.

Dalam isu gender, feminisme liberal Barat mengangkat konsep kesamarataan mutlak yang sering mengabaikan konteks budaya dan agama (Vohra, 2023). Sebaliknya, Islam menurut Begum et al., (2024) menekankan prinsip kesaksamaan (*equity*) yang mengiktiraf peranan berbeza antara lelaki dan wanita tanpa menafikan martabat kedua-duanya. Islam menetapkan



pelbagai tanggungjawab khusus bagi lelaki dan wanita, namun pada masa yang sama menegaskan bahawa setiap individu adalah setara dari sudut nilai kemanusiaan, pilihan, dan maruah. Prinsip keadilan dalam Islam melampaui konsep persamaan mutlak kerana ia mengambil kira kecenderungan dan fitrah semula jadi manusia dalam pembahagian tanggungjawab.

Literatur ini menunjukkan bahawa perbezaan ideologi antara hak asasi Barat dan perspektif Islam bukan sekadar pertentangan teoretikal, tetapi turut memberi implikasi praktikal terhadap bagaimana hak, kebebasan, dan tanggungjawab diuruskan dalam masyarakat kontemporari.

### **Perdebatan Ideologi Antara Liberal Humanism dan Teo-Sentrisme Islam**

Secara ideologis, HAM Barat berakar daripada humanisme sekular dan falsafah liberal, yang menolak sumber ketuhanan dalam menentukan moral (Alfaruqi, 2017). Sebaliknya, Islam berakar pada tauhid dan menegaskan bahawa Allah adalah sumber mutlak segala hak. Perbezaan asas ini membawa kepada dua paradigma iaitu pertama; Antroposentrik yang melihat bahawa hak sebagai kepunyaan mutlak individu (Barat), Kedua; Teosentrik yang melihat hak sebagai amanah daripada Tuhan, disertai tanggungjawab (Islam). Kajian Simanjuntak et al., (2025) menjelaskan bahawa kerangka hak asasi dalam Islam bersifat lebih holistik kerana ia mengintegrasikan dimensi spiritual, moral, dan sosial dalam satu kerangka pembangunan insan kerana bukan berfokus pada individualistik.

### **Pernyataan Masalah**

Perbahasan hak asasi manusia (HAM) antara Islam dan Barat sering dicirikan oleh pertembungan antara paradigma liberal-antroposentrik yang menekankan kebebasan individu dan paradigma dalam Islam adalah berdasarkan teosentrik yang mengaitkan hak dengan tanggungjawab moral serta hak tuhan yang perlu ditaati. Walaupun konflik ini banyak dibincangkan dalam bentuk polemik normatif dan praktikal, perbezaan tersebut sebenarnya berpunca daripada asas teori dan falsafah yang berbeza, khususnya dari sudut ontologi, epistemologi dan aksiologi yang membentuk pemahaman tentang hak, kebebasan dan keadilan dalam kedua-dua tradisi.

Namun, dari sudut akademik, kajian sedia ada masih kurang memberikan analisis konseptual dan falsafah yang sistematik untuk menjelaskan bagaimana perbezaan asas teori ini mempengaruhi legitimasi dan tafsiran konsep HAM, terutamanya dalam isu-isu kritikal seperti kebebasan beragama, kesetaraan gender dan pelaksanaan hukum syariah. Ketiadaan kerangka analisis falsafah yang jelas menyebabkan perbahasan HAM sering terhad kepada perbincangan normatif atau ideologi, tanpa menangani punca teori yang mendasari konflik tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang teori ini dengan menilai asas falsafah HAM dalam tradisi Islam dan Barat serta meneliti peranan maqāṣid al-sharī'ah sebagai kerangka normatif alternatif dalam wacana hak asasi manusia kontemporari.

### **Objektif**

Berikut merupakan beberapa objektif yang ingin dicapai:

1. Menganalisis perbezaan ontologi, epistemologi, dan aksiologi yang mendasari konsep HAM dalam tradisi Barat dan Islam.
2. Meneliti bagaimana perbezaan ideologi tersebut memunculkan konflik tafsiran antara HAM dalam tradisi Barat dan Islam.

3. Menilai sejauh mana *maqāṣid al-sharī'ah* wujud titik temu konseptual dengan standard HAM antarabangsa, khususnya dalam aspek kebebasan agama, kesetaraan gender, dan pelaksanaan hukum syariah Islam.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian konseptual berasaskan falsafah normatif, yang menilai asas nilai dan legitimasi moral konsep hak asasi manusia dalam tradisi Islam dan Barat. Analisis dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan kritis dan perbandingan falsafah. Pendekatan ini dipilih kerana perbahasan hak asasi manusia melibatkan isu normatif-ideologi dan pertembungan *worldview*, yang lebih sesuai dianalisis melalui teks, wacana dan kerangka falsafah berbanding pendekatan empirikal.

Metodologi ini selaras dengan pandangan Bowen (2009) mengenai *document analysis* sebagai instrumen sah dalam penyelidikan kualitatif, khususnya untuk kajian yang menilai dokumen normatif, undang-undang, dan teks falsafah. Dengan itu, kajian ini menumpukan kepada analisis dokumen utama seperti deklarasi antarabangsa, teks tradisi pemikiran Islam dan kerangka *maqāṣid al-sharī'ah*, serta kajian akademik terkini.

### Data Analisis

Analisis data kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan kualitatif deduktif. Kaedah ini dipilih kerana ia amat sesuai dalam meneliti isu normatif dan ideologi. Ianya membolehkan analisis kategori yang telah dikenal pasti (berdasarkan teori dan kerangka falsafah) digunakan untuk menyaring dan membandingkan data teks.

Proses analisis data dijalankan dalam tiga peringkat utama:

1. Pengekodan tematik awal, iaitu berdasarkan teks-teks rujukan (dokumen antarabangsa, teks Islam, dan kajian akademik) dianalisis untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan bahagian teks mengikut tema utama. Pengekodan ini berfokus pada konsep teras seperti keadilan, kebebasan, kesamarataan, tanggungjawab, dan universalisme. Langkah ini berfungsi sebagai proses pemecahan data sebelum analisis perbandingan.
2. Analisis perbandingan falsafah dan ideologi; Data yang telah dikodkan dianalisis secara untuk menyingkap pertembungan asas-asas falsafah antara Barat dan Islam yang membentuk perbezaan ideologi:
  - i. Ontologi: Analisis hakikat kewujudan dan sumber hak (Antroposentrik vs. Teosentrik).
  - ii. Epistemologi: Perbandingan sumber ilmu (Rasionalisme vs. Wahyu).
  - iii. Aksiologi: Penelitian sistem nilai (Etika Liberal vs. *Maqāṣid al-sharī'ah*).
3. Sintesis terhadap konflik dan titik temu dengan merumuskan bagaimana perbezaan falsafah ini termanifestasi dalam konflik tafsiran isu kontemporari seperti kebebasan beragama, kesetaraan gender, dan undang-undang syariah. Peringkat ini diakhiri dengan melihat *maqāṣid al-sharī'ah* menemui titik temu konseptual dengan standard HAM antarabangsa.

Melalui kaedah ini pengkaji berupaya menyingkap pertembungan *worldview* antara etnosentrik Barat dengan teo-sentrisme Islam. Di samping itu, ia membolehkan penilaian terhadap dokumen hak asasi manusia bukan hanya sebagai teks undang-undang semata-mata, tetapi juga sebagai produk ideologi dan falsafah yang membentuk aplikasi dan tafsiran isu-isu kritikal kontemporari.

## Hasil dan Perbincangan

### Hasil Utama

Daripada analisis dokumen dan literatur, terdapat tiga dapatan utama:

#### Perbezaan asas ideologi

Istilah “*ideologi*” pertama kali digunakan oleh ahli falsafah Perancis Antoine Destutt de Tracy yang beliau maksudkan sebagai “*sains tentang idea*” (Girija, 2024). Ideologi secara sederhana boleh difahami sebagai satu sistem pemikiran yang mengatur cara manusia berfikir dan bertindak, mendidik mereka untuk menerima pandangan tertentu, serta menggerakkan usaha bersama mencapai matlamat kolektif (Rabie, 2013). Di Barat, cara berfikir seperti ini sudah lama wujud, terutama sejak Era Pencerahan di Eropah. Ketika itu, masyarakat mula berfikir secara radikal sebagai reaksi terhadap pengaruh besar gereja dan pemerintah dalam hal agama, politik, dan sosial.

Menurut Destutt de Tracy manusia dapat memperbaiki kehidupan apabila menggunakan cara pemikiran yang sistematis tanpa melihat sudut agama ataupun berkaitan spiritual sebagai pemutus dalam menyusun masyarakat, dan ini termasuklah berkaitan hal-hal melibat sosial dan politik (Girija, 2024).

Gaya pemikiran yang berlaku di eropah memberikan pengaruh terhadap keputusan kehidupan dan ini juga berlanjutan dalam hal-hal berkait dengan peraturan kehidupan. Hak asasi manusia Barat mempunyai akar berasal daripada falsafah liberal-sekular yang berteraskan antroposentrik, iaitu memusatkan manusia sebagai agen autonomi dengan berpandangan hak individu dianggap mutlak tanpa sekatan daripada unsur wahyu atau kehendak tuhan (Donnelly, 2006). Kerangka ini warisan tradisi daripada zaman Pencerahan Eropah yang menekankan rasionalisme, iaitu menolak autoriti agama sebagai sumber kebenaran, sebaliknya menjadikan rasionaliti, deliberasi, dan *instrumental reason* sebagai asas mekanisme legitimasi (Little, 2016; Scherer, 2014). Atas dasar tersebut, lahirlah liberal-sekular yang menjadikan kebebasan individu, neutral terhadap negara, agama, dan keadilan prosedural sebagai nilai utama yang melandasi pembinaan wacana hak asasi manusia moden (Kateb, 2009).

Berbalik kepada HAM dalam Islam, menurut Sofi (2016) menyatakan bahawa dalam kerangka atau asas dalam menyediakan HAM dalam Islam adalah bersifat lebih awal. Ia bermula seawal agama Islam itu telah datang, bahkan itu adalah termasuk dalam perkara yang penting dalam misi agama Islam itu sendiri. Situasi itu jelas didapati kerana suatu masa dahulu masyarakat Arab berada dalam keadaan *jahiliyyah* yang penuh konflik melibatkan hak asasi manusia diabaikan. Sehingga nabi Muhammad SAW diutuskan dan membangun kaedah sosial manusia yang bersifat menyeluruh dan menghapuskan segala perlakuan masyarakat Arab yang tidak bertamadun sebelumnya.

Kerangka hak asasi Islam berpaksikan tauhid sebagai berteraskan wahyu (al-Qur'an dan al-Sunnah) yang ditafsirkan dalam kerangka maqāsid. Maqāsid al-sharī'ah menjadi asas nilai yang menuntut keseimbangan antara hak individu dan tanggungjawab sosial (Suhaimi et al., 2023; Bahrudin, 2017). Pertembungan ini bukan sekadar perbezaan teknikal perundangan, tetapi mencerminkan pertembungan *worldview* iaitu Barat bersifat antroposentrik dengan menjadikan manusia sebagai sumber nilai, sedangkan Islam bersifat teosentrik dengan merujuk kepada kehendak Allah sebagai pemberi hak dan penentu batasannya. Implikasi kritisnya ialah, dalam

kerangka Islam, kebebasan individu tetap diiktiraf, tetapi tertakluk kepada prinsip kehendak tuhan dan kesejahteraan masyarakat.

### Isu-isu konflik

Penafsiran hak asasi sering kali bergantung pada definisi yang dibentuk oleh sesuatu kelompok. Setiap etnik, masyarakat, dan agama mempunyai pandangan tersendiri dalam mendefinisikan maksud hak asasi tersebut (Almahfali & Avery, 2023; Said et al., 2023). Justeru, di sinilah terletak titiknya tolak dalam memahami hak asasi. Barat semasa membuat UDHR 1948 adalah yang mendominasi dalam pembentukannya maka tidak hairan ia mendapat kritikan disebabkan tidak selaras dengan agama Islam, bahkan menurut Said et al., (2023) menyatakan bahawa hampir semua agama tidak merasa puas dengan deklarasi tersebut yang dibuat walaupun tidak dinyatakan terus terang.

Terdapat titik-titik pertembungan serius antara kerangka hak asasi manusia Barat dan Islam, khususnya dalam isu kebebasan beragama, kesetaraan gender, dan pemakaian undang-undang tertentu. Dalam konteks kebebasan beragama, UDHR melalui Artikel 18 menegaskan hak individu untuk menukar agama tanpa sekat. Hal ini dilihat sebagai prinsip asas *freedom of religion* dalam wacana liberal-sekular (Gunn, 2020; Lindkvist, 2013). Menurut Donnelly (2006), hak untuk memilih dan menganut agama adalah antara hak asasi manusia yang paling asas. Oleh, menurut sisi pandangan Barat tindakan mana-mana pihak yang cuba memaksakan tafsiran agama tertentu dengan menggunakan kekerasan bukan sahaja menjejaskan autonomi individu, malah dianggap sebagai pelanggaran serius terhadap prinsip hak asasi antarabangsa.

Kajian van Schaik (2023) menegaskan bahawa walaupun hak untuk menukar agama diiktiraf di peringkat antarabangsa, namun pelaksanaannya “*encounters difficulties in state practices*” iaitu menghadapi kesukaran dan sering dikaburkan oleh “*conceptual ambiguity regarding the right to apostasy*” terhadap negara-negara memandang konsep tersebut mengambil kira kebenaran sama ada ia juga termasuk hak untuk murtad. Kerana ia boleh menjadi pandangan yang bersifat inklusif maka ia berpendapat hak untuk murtad masih wujud secara tersirat dalam istilah “memilih agama”. Dan bagi yang berpandangan eksklusif maka tanpa sebutan yang jelas, hak ini mudah dinafikan oleh negara-negara yang menentanginya.

Dalam Islam, majoriti fuqaha Islam memandang murtad sebagai pelanggaran akidah yang mempunyai implikasi besar kepada masyarakat, sehingga dikenakan hukuman tertentu yang berat, kerana ia adalah melibatkan hukum agama. Berdasarkan hal ini wujud perbezaan jelas antara Barat dan Islam. Bagi pandangan Barat, negara-negara yang mengkriminalkan murtad pada asasnya gagal menunaikan kewajipan hak asasi antarabangsa menurut mereka. Sedangkan kebebasan untuk murtad dan tuntutan hak kebebasan tersebut merupakan suatu posisi yang jelas bertembung dengan pandangan Islam normatif dalam isu murtad.

Dalam isu kesetaraan gender, Barat menekankan kesamarataan mutlak antara lelaki dan wanita dalam semua dimensi, termasuk pewarisan, perkahwinan, dan kepimpinan politik (Ramli et al., 2018; Millati Agustina, 2021; Hanim, 2020). Sebaliknya, kerangka Islam menekankan prinsip *equity* atau kesaksamaan yang mengambil kira peranan dan tanggungjawab berbeza antara lelaki dan wanita (Lazuardi & Shamsu, 2024). Pertembungan ini terlihat dalam perdebatan tentang poligami, pembahagian harta pusaka, dan syarat kepimpinan, yang oleh sebahagian sarjana Barat ditafsirkan sebagai bentuk diskriminasi gender, sedangkan dalam tradisi Islam ia difahami sebagai keadilan berperanan (*complementarity*).



Sementara itu, dalam isu pelaksanaan hukuman Islam, Barat sering mengutuk tindakan yang berasaskan syariah atau hukuman berunsur agama. Kritikan tersebut lazimnya berpunca daripada persepsi bahawa hukuman syariah tertentu seperti rejam kerana zina atau hukuman mati bagi kes murtad dan penghinaan agama dianggap tidak selaras dengan piawaian hak asasi manusia moden. Malah, dalam konteks dunia hari ini, sebahagian pihak menilai kerangka HAM Barat sebagai lebih unggul berbanding alternatif lain, termasuk hukum Islam. Persepsi ini sebahagiannya berpunca daripada warisan kolonialisme, di mana pengaruh penjajahan Barat telah menanam nilai-nilai liberal dan sekular ke dalam sistem undang-undang serta pendidikan di banyak negara Muslim (Azman et al., 2021). Akibatnya, kemasyhuran wacana HAM Barat semakin mengakar dan berjaya mengubah paradigma global terhadap keadilan dan hak asasi.

Secara keseluruhan, konflik-konflik ini memperlihatkan bahawa pertembungan antara Barat dan Islam bukan sekadar perbezaan tafsiran teknikal, tetapi melibatkan asas epistemologi dan worldview yang berbeza. Barat mengutamakan autonomi individu sebagai hak mutlak dalam membawa perbincangan keadilan, manakala Islam menegaskan hak individu yang diimbangi oleh tanggungjawab moral, sosial, dan ketuhanan dalam menggariskan keadilan manusia.

### Asas Falsafah

Istilah “falsafah” adalah berasal daripada perkataan dua perkataan Yunani *philos* (cinta) dan *sophia* (kebijaksanaan), yang membawa maksud cinta kepada kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan. Dalam perbincangan falsafah merangkumi tiga asas utama, iaitu ontologi (hakikat kewujudan), epistemologi (hakikat pengetahuan), dan aksiologi (hakikat nilai) (Samuji, 2022).

Menurut Mahfud dan Patsun (2019), falsafah ialah pengetahuan tentang kebijaksanaan dan prinsip-prinsip dalam usaha mencari kebenaran. Berfalsafah bererti berfikir secara rasional dan logis, dengan mendalam serta bebas, iaitu tidak semata-mata terikat oleh tradisi atau dogma agama, demi mencapai kebenaran. Herlina et al., (2022) pula menjelaskan bahawa falsafah dilihat sebagai suatu proses yang membolehkan manusia mengembangkan serta mengaktualisasikan potensi dirinya, sekali gus memupuk sifat ingin tahu dan dorongan untuk memahami realiti.

Namun begitu, falsafah Barat memperlihatkan perbezaan yang ketara, khususnya dari segi jangkauan sumber ilmu yang dijadikan asas dalam menentukan sesuatu perkara. Perbezaan ini dapat dijelaskan melalui ciri-ciri yang mempunyai karakteristik utama sebagaimana diuraikan berikut.

### Epistemologi

Dalam falsafah Barat, sumber utama pengetahuan ialah akal dan bukti empirik. Ciri dominannya ialah sikap skeptis, penggunaan kaedah rasional-empirik, serta pendekatan dikotomis (iaitu membahagikan sesuatu secara berlawanan dan menganggap hanya satu yang sah untuk diambil) serta pendekatan positivistik-objektif. Kebenaran sering dianggap bersifat relatif, iaitu boleh berubah mengikut penemuan baharu atau perspektif yang berbeza (Amril et al., 2022). Perkembangan falsafah Barat ini berkait rapat dengan pengalaman sejarah yang dilalui masyarakatnya, lalu membentuk gaya pemikiran yang mengandalkan akal dan pancaindera sebagai asas dalam pencarian kebenaran.

Sebaliknya, falsafah Islam mengintegrasikan akal dengan wahyu Ilahi, berasaskan al-Quran dan Hadis. Ia menekankan penyelarasan antara akal dan wahyu, dengan perspektif teosentrik serta berorientasikan nilai. Kebenaran menurut falsafah Islam dianggap bersifat mutlak kerana

berlandaskan autoriti Ilahi, meskipun terdapat aspek tertentu yang boleh difahami dalam kerangka relatif (Amril et al., 2022).

Perbezaan dan pendekatan falsafah antara barat dan Islam juga telah menatijahkan hal yang berbeza. Ia dapat dijelaskan melalui Asas falsafah hak asasi manusia dalam Islam dan Barat berbeza secara ketara dari segi ontologi, epistemologi, dan aksiologi.

### Ontologi

Dalam falsafah Barat lazimnya berpegang pada pandangan yang bersifat sekular dan materialis, dengan memberi tumpuan kepada alam fizikal yang dapat diperhatikan serta diuji secara empirik. Kerana mereka melihat setiap kewujudan sebagai bebas daripada Tuhan dan cenderung memisahkan hal-hal berkaitan rohani daripada dunia fizikal (Atmaja & Mustopa, 2020). Pandangan ini turut mempengaruhi asas falsafah hak asasi manusia dalam tradisi Barat, yang dibina atas rasionalisme sekular dan pandangan dunia individualistik, dengan meletakkan autoriti tertinggi pada autonomi manusia serta rasionaliti universal.

Sebaliknya, Islam adalah berteraskan konsep tauhid, iaitu keesaan Allah sebagai Pencipta dan Penguasa mutlak yang mentadbir seluruh alam. Perspektif ini menegaskan kedaulatan Ilahi serta keterhubungan dalam semua aspek kewujudan (Khojir, 2011). Dalam ajaran Islam, Allah SWT dianggap sebagai pusat rujukan dalam memahami struktur dan makna alam semesta. Perspektif ini menegaskan kedaulatan Ilahi dalam keterhubungan antara semua aspek kewujudan. Lantas bagi Islam HAM bukan dibina melalui hasil konsensus manusia, tetapi merujuk ketetapan yang ditetapkan dan dikehendaki oleh Allah SWT sebagai pencipta.

Perbezaan keduanya, dibentuk oleh konteks budaya, teologi, dan sejarah yang berbeza menghasilkan tafsiran serta pelaksanaan hak asasi manusia yang saling bertentangan. Pada sudut Barat mereka cenderung memahami dan menekankan kebebasan dan kesamarataan mutlak, manakala Islam memahami dan menekankan keadilan, keseimbangan, serta keharmonian masyarakat.

### Aksiologi

Falsafah Barat lazimnya mengambil pendekatan neutral terhadap nilai, kerana tidak bersandarkan kepada agama atau prinsip moral mutlak. Nilai yang diutamakan ialah kuasa, pragmatisme (apa yang berkesan secara praktikal), dan pemerintahan sekular. Oleh itu, menurut (Gökçe, 2024) dalam hubungan antarabangsa, Barat lebih menekankan kepentingan negara dan kedaulatan politik, kadang kala mengatasi isu keadilan sejagat.

Sebaliknya, falsafah Islam berasaskan wahyu Ilahi dan menekankan nilai moral serta keadilan. Konsep seperti *ihsan* (kesempurnaan dalam berbuat baik), *rahmah* (kasih sayang), dan *amanah* (tanggungjawab) menjadi teras pandangan nilai dalam Islam. Nilai ini diperkukuh melalui kerangka *maqāṣid al-sharī'ah*, yang menetapkan tujuan utama syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, harta, dan maruah. Dari kerangka ini, hak manusia difahami bukan sebagai kebebasan mutlak, tetapi sebagai amanah daripada Allah yang mesti disertai tanggungjawab moral (Ni'mah et al., 2024; Puandina & Assagaf, 2023).

## Perbandingan Konsep Hak Asasi Manusia

**Jadual 1. Perbandingan HAM Barat dan HAM Islam**

| Aspek | Barat (Antroposentrik) | Islam (Teo-sentrik) |
|-------|------------------------|---------------------|
|-------|------------------------|---------------------|

|                       |                                                                                                            |                                                                                                      |
|-----------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Epistemologi          | Rasionalisme, sekularisme, humanisme.                                                                      | Wahyu, tauhid, maqāṣid al-sharī'ah.                                                                  |
| Ontologi              | Antroposentrik iaitu manusia sebagai pusat hak.                                                            | Teo-sentrik iaitu hak sebagai amanah daripada Allah.                                                 |
| Aksiologi             | Kebebasan adalah mutlak, kesamarataan mutlak.                                                              | Keadilan ('adl), keseimbangan hak dan tanggungjawab.                                                 |
| Hak Beragama          | Kebebasan mutlak termasuk hak murtad.                                                                      | Kebebasan terikat syariah; larangan murtad sebagai perlindungan keimanan.                            |
| Hak Gender            | Kesamarataan mutlak antara lelaki dan wanita.                                                              | Kesaksamaan berasaskan peranan dan maqāṣid.                                                          |
| Hukum / Undang-undang | <i>Rule of law</i> berasaskan kontrak sosial dan kedaulatan rakyat; undang-undang sekular, buatan manusia. | Syariah sebagai hukum Ilahi; fiqh sebagai tafsiran; syura dan ijtihad sebagai mekanisme pelaksanaan. |

### Titik Persamaan

Walaupun terdapat pertembungan ideologi dan falsafah ketara antara kerangka hak asasi manusia Barat dan Islam, kedua-dua sistem tetap berkongsi sejumlah nilai sejagat yang menjadi asas kepada peradaban manusia. Nilai-nilai tersebut menunjukkan keperluan moral dan sosial yang memperlihatkan kemungkinan wujudnya titik temu antara dua tradisi yang berbeza dari segi sumber, epistemologi dan tujuan moral. Antara nilai bersama yang dapat dikenal pasti ialah keadilan ('*adl/justice*'), maruah manusia (*human dignity*), serta hak asasi kepada kehidupan (*right to life*).

### Keadilan ('Adl / Justice)

Konsep keadilan merupakan titik asas yang menghubungkan dua tradisi besar Islam dan Barat teras walaupun asas falsafahnya berbeza. Dalam pandangan Islam, keadilan ('*adl*') bukan sekadar prinsip perundangan atau etika sosial, tetapi menuntut keseimbangan antara hak dan tanggungjawab. Al-Qur'an berulang kali menegaskan keadilan sebagai perintah Ilahi, seperti firman Allah, "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat ihsan*" (al-Nahl 16:90). Prinsip ini menggariskan bahawa keadilan ialah asas maqāṣid al-sharī'ah, di mana setiap hukum bertujuan memelihara kesejahteraan manusia dalam dimensi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Suhaimi et al., 2023).

Dalam tradisi Barat pula, keadilan (*justice*) muncul sebagai konsep moral dan politik yang berakar daripada rasionalisme dan kontrak sosial. Dari Plato hingga John Locke dan Jean-Jacques Rousseau, keadilan dilihat sebagai asas kesepakatan sosial yang menjamin hak individu. Pemikiran moden menekankan keadilan sebagai instrumen kebebasan dan kesamarataan, di mana setiap individu mempunyai hak yang sama dalam sistem sosial dan undang-undang (Donnelly, 2006: Syafriadi & Suparta, 2019: Ritonga & Ichsan 2025). Prinsip ini diterjemahkan ke dalam dokumen antarabangsa seperti *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR, 1948), yang menuntut pengiktirafan terhadap nilai keadilan sejagat tanpa diskriminasi agama, bangsa, atau jantina (United Nations, n.d.).

Walau bagaimanapun, perbezaan ketara antara kedua-dua sistem ialah pada sumber autoriti moralnya. Keadilan dalam Islam berpunca daripada kehendak Tuhan yang mutlak, manakala keadilan Barat berpaksikan akal manusia dan pengalaman sejarah yang berlaku. Islam menilai keadilan berdasarkan prinsip teosentrik, adil kerana mematuhi kehendak tuhan. Sedangkan

Barat menilai keadilan secara antroposentrik, iaitu adil kerana ia melindungi kebebasan dan otonomi manusia (Sundaramoorthy, 2016). Meskipun begitu, kedua-duanya tetap bertemu pada kesimpulan bahawa keadilan merupakan asas yang tidak boleh dikompromi bagi menegakkan keamanan dan kemanusiaan sejagat.

Titik persamaan ini tidak bermaksud relativisme nilai, tetapi ruang untuk memperbetulkan persepsi bahawa Islam bersifat menindas atau menolak hak asasi. Sebaliknya, Islam menawarkan asas moral yang lebih utuh untuk menyatukan hak dengan tanggungjawab dan kebebasan dengan kepatuhan kepada Tuhan.

### **Maruah Manusia (Human Dignity)**

Satu lagi nilai sejagat yang dikongsi oleh kedua-dua tradisi ialah pengiktirafan terhadap maruah manusia. Dalam Islam, kemuliaan manusia berpunca daripada fitrah penciptaannya sebagai makhluk yang diberi akal, ruh, dan tanggungjawab moral oleh Allah SWT. Firman Allah, “*Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam*” (al-Isrā’ 17:70) menegaskan bahawa setiap manusia memiliki nilai intrinsik yang tidak bergantung pada status sosial atau bangsa. Oleh itu, penghormatan terhadap maruah manusia adalah prinsip etika yang membentuk dasar hubungan sosial Islam (Sasmita et al., 2024).

Dalam konteks Barat, konsep *human dignity* juga menjadi asas utama wacana hak asasi manusia. Ia berpunca daripada tradisi humanisme sekular yang menekankan nilai rasional, kebebasan dan kesedaran moral manusia. Humanisme mengangkat manusia sebagai pusat nilai moral manusia dihormati kerana keupayaannya berfikir dan memilih secara bebas. Idea ini diterjemahkan dalam doktrin *inherent dignity* dalam UDHR, di mana setiap manusia diakui memiliki maruah yang tidak boleh dicabut oleh mana-mana kuasa politik atau agama (United Nations, n.d.).

Namun, sumber legitimasi terhadap maruah manusia membezakan kedua-dua sistem. Dalam Islam, maruah ialah anugerah Ilahi dan amanah yang mesti dijaga melalui syariah dan tanggungjawab sosial. Barat pula, maruah manusia ialah hak mutlak yang dimiliki individu secara autonomi menentukan tanpa memerlukan asas penentuan daripada tuhan. Ini menunjukkan perbezaan antara *dignity as divine trust* (Islam) dan *dignity as individual autonomy* (Barat). Walaupun begitu, kedua-duanya tetap mengangkat prinsip bahawa maruah manusia tidak boleh dikompromi dalam sebarang sistem undang-undang atau sosial (Donnelly, 1982).

### **Hak Asasi kepada Kehidupan (Right to Life)**

Kehidupan merupakan hak paling asas yang diiktiraf dalam kedua-dua sistem pemikiran. Dalam Islam, hak hidup termasuk dalam objektif tertinggi maqāṣid al-sharī‘ah di bawah prinsip *ḥifz al-nafs* (pemeliharaan nyawa). Prinsip ini menegaskan bahawa setiap individu berhak hidup dengan aman, bebas daripada kekejaman dan kezaliman. Pembunuhan tanpa sebab yang sah dianggap dosa besar, sebagaimana firman Allah, “*Barang siapa membunuh seorang manusia bukan kerana orang itu membunuh orang lain, maka seolah-olah dia telah membunuh seluruh manusia*” (al-Mā‘idah 5:32). Prinsip ini menunjukkan bahawa Islam meletakkan nyawa manusia pada darjat yang sangat tinggi, bukan semata-mata kerana sifat biologi, tetapi kerana ia amanah Tuhan (Suhaimi et al., 2023).

Dalam falsafah Barat, hak hidup juga merupakan hak semula jadi (*natural right*) yang tidak boleh dilucutkan oleh mana-mana kuasa. John Locke dalam *Second Treatise of Government*

menegaskan bahawa setiap manusia dilahirkan dengan hak “*life, liberty and property*” (Asadi, 2015). Idea ini kemudian diangkat dalam *Article 3* UDHR 1948, yang menegaskan bahawa setiap individu mempunyai hak kepada kehidupan, kebebasan dan keselamatan diri (United Nations, n.d.). Prinsip ini membentuk asas kepada undang-undang antarabangsa moden tentang hak asasi manusia, termasuk larangan terhadap hukuman kejam, penindasan dan pembunuhan tanpa bicara.

Walaupun terdapat persamaan dalam pengiktirafan terhadap nilai kehidupan, perbezaan tetap wujud dalam batasan moral dan hukum. Islam melihat kehidupan sebagai milik Tuhan, maka hak hidup datang bersama tanggungjawab moral terhadap Pencipta. Seseorang tidak boleh mengorbankan hidupnya sendiri atau orang lain kecuali dalam keadaan syarie seperti mempertahankan agama dan keadilan. Sebaliknya, dalam sistem sekular Barat, hak hidup lebih berpusat pada kebebasan individu untuk menentukan nasib sendiri termasuk dalam isu seperti *euthanasia* (Perbuatan mematikan seseorang yang menghidap sakit teruk) atau peperangan. Maka di sinilah terletak garis pemisah antara *life as divine trust* dan *life as personal entitlement*.

Namun demikian, kedua-dua sistem tetap menolak kekerasan dan kezaliman sebagai pelanggaran terhadap kemanusiaan sejagat. Nilai ini menjadi asas kepada kerjasama antarabangsa dalam memperjuangkan keamanan global dan perlindungan terhadap golongan lemah. Maka, dapat disimpulkan bahawa meskipun sumbernya berbeza; wahyu dalam Islam dan rasionalisme moral dalam Barat, kedua-dua sistem bertemu pada kesepakatan bahawa kehidupan adalah hak asasi yang tidak boleh diganggu gugat oleh mana-mana pihak.

### Titik Perbezaan

Meskipun Islam dan Barat berkongsi beberapa nilai seperti keadilan dan maruah manusia, kedua-dua sistem berbeza secara fundamental dalam asas falsafah, sumber nilai dan orientasi moral. Perbezaan ini bukan sekadar pada dimensi praktikal atau undang-undang, tetapi berpunca daripada asas ontologi, epistemologi dan aksiologi yang membentuk cara kedua-duanya memahami hak, kebebasan, dan nilai kemanusiaan. Justeru, titik-titik perbezaan ini memperlihatkan bahawa Islam dan Barat tidak sekadar berbeza dari segi tafsiran terhadap hak asasi manusia, tetapi juga dalam falsafah kewujudan dan sumber kebenaran.

### Sumber Nilai dan Autoriti Moral

Perbezaan paling mendasar antara Islam dan Barat ialah pada sumber nilai dan asas autoriti moral manusia. Dalam sistem Barat, nilai moral dan hukum bersumber daripada manusia sendiri melalui rasionaliti, pengalaman sejarah dan konsensus sosial. Hal tersebut sejajar dengan tradisi liberal-sekular yang menolak autoriti agama dalam menentukan kebenaran moral (Scherer, 2014). Nilai dianggap boleh berubah mengikut konteks zaman, budaya, atau kehendak majoriti. Oleh itu, kebenaran dalam tradisi Barat bersifat relatif dan berkembang bersama perubahan masyarakat.

Sebaliknya, Islam menegaskan bahawa sumber nilai dan moral ialah wahyu daripada Tuhan. Kebenaran tidak bergantung kepada konsensus manusia, tetapi kepada kehendak Allah SWT yang bersifat mutlak, dan bertepatan dengan kebenaran. Nilai-nilai dalam Islam adalah tetap dan kekal kerana berpunca daripada wahyu, walaupun aplikasinya boleh berubah mengikut konteks melalui ijtihad dan *maqāṣid al-sharī‘ah* (Khojir, 2011). Wahyu menjadi neraca yang menilai benar dan salah, bukan manusia. Prinsip ini menjadikan moral Islam bersifat menghubungkan dunia dengan akhirat, dan individu dengan tanggungjawab sosial serta hubungan dengan Tuhan.



Implikasinya, sistem Barat melahirkan nilai-nilai yang bersifat pragmatis dan kontekstual, sedangkan Islam membina nilai berdasarkan kesetiaan terhadap hukum tuhan. Maka, apabila Barat menilai hak asasi manusia berdasarkan kehendak individu, Islam menilainya berdasarkan keseimbangan antara hak dan tanggungjawab di sinilah titik pertembungan dalam pembentukan moral tertentu. Perbezaan sumber nilai ini menjadi punca utama pertembungan antara konsep *antroposentrik* Barat dan *teosentrik* Islam (Donnelly, 2006).

### Sifat Kebenaran dan Epistemologi

Perbezaan kedua terletak pada pandangan terhadap kebenaran dan cara memperoleh ilmu (epistemologi). Dalam falsafah Barat, ilmu diperoleh melalui rasionalisme dan empirisme dengan akal dan pengalaman menjadi ukuran utama kebenaran. Tradisi ini menolak unsur wahyu kerana menganggap tidak boleh dibuktikan secara saintifik (Amril et al., 2022). Kebenaran dilihat sebagai hasil penyelidikan manusia yang sentiasa terbuka kepada perubahan, oleh itu, relativisme menjadi ciri utama epistemologi Barat.

Sebaliknya, epistemologi Islam meletakkan wahyu sebagai sumber tertinggi ilmu, diikuti akal yang berfungsi dalam batas panduan Ilahi. Akal digunakan untuk memahami, menafsir dan melaksanakan wahyu, bukan untuk menggantikan autoritinya. Ini menjadikan pengetahuan dalam Islam bersifat integratif antara akal, wahyu. Kebenaran bukan hasil eksperimen manusia, tetapi refleksi terhadap realiti pemberian panduan yang mutlak (Ni'mah et al., 2024).

Perbezaan ini menimbulkan implikasi yang dalam jurangnya dalam penafsiran hak asasi manusia. Barat melihat hak sebagai hasil evolusi sejarah dan perubahan sosial, manakala Islam melihat hak sebagai ketetapan Tuhan yang bersifat kekal tidak berubah mengikut kehendak manusia. Justeru, Islam tidak menafsir hak asasi secara terpisah daripada nilai moral dan tanggungjawab agama. Ini bermakna hak manusia bukan ciptaan manusia, tetapi amanah yang mesti dijaga dalam kerangka syariah.

Dalam konteks perdebatan falsafah moden, perbezaan epistemologi ini memperlihatkan pertembungan antara paradigma *rasional-empirik* dan *wahyu-tauhidi*. Barat menganggap pengetahuan mesti dibuktikan secara material dan terhad kepada dunia empirikal, sedangkan Islam menilai kebenaran secara menyeluruh meliputi dimensi zahir dan batin, dunia dan akhirat (Atmaja & Mustopa, 2020). Oleh itu, Islam menolak idea bahawa kebenaran boleh berubah mengikut masa atau kehendak manusia, sebaliknya, kebenaran mesti berpaksikan sumber daripada tuhan yang tidak berubah.

### Dimensi Spiritual dan Tujuan Kehidupan

Perbezaan ketiga ialah pada orientasi terhadap dimensi spiritual dan tujuan hidup manusia. Dalam falsafah Barat, kehidupan dilihat secara sekular terhad kepada dunia material dan pengalaman sosial. Pandangan ini berkembang selepas Era Pencerahan apabila agama dipisahkan daripada urusan politik, etika dan undang-undang. Manusia dilihat sebagai makhluk yang menentukan sendiri makna hidupnya, tanpa perlu berpaut kepada wahyu atau sumber daripada tuhan (Scherer, 2014). Pandangan ini akhirnya melahirkan falsafah humanisme sekular, di mana kebebasan individu dianggap nilai tertinggi sehingga mengabaikan keseimbangan moral dan spiritual.

Sebaliknya, Islam memandang kehidupan manusia sebagai amanah daripada Allah SWT. Setiap tindakan dan hak mesti ditimbang dan diukur berdasarkan tujuan penciptaan. Dalam al-

Quran, Allah berfirman “*Tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku*” (al-Dhāriyāt 51:56). Nilai-nilai dalam Islam sentiasa berkait dengan orientasi akhirat, bukan hanya dunia. Oleh itu, kebebasan manusia dalam Islam bersifat bermatlamat iaitu bebas untuk berbuat baik pada hal bertepatan kepada kebenaran atau maqasid syariah, bukan bebas tanpa batas seperti barat. Kehidupan manusia diukur berdasarkan tanggungjawab moral kepada Pencipta dan masyarakat (Khojir, 2011). Pandangan ini membawa kepada keseimbangan antara aspek zahir dan batin. Islam menolak pemisahan antara dunia dan agama, sebaliknya, ia menyatukan kedua-duanya dalam satu sistem nilai. Dalam konteks hak asasi manusia, hal ini bermakna bahawa kebebasan atau hak individu tidak boleh digunakan untuk melanggar hukum tuhan atau merosakkan struktur sosial. Oleh itu, Islam memandang bahawa setiap hak mesti disertai dengan *amanah*, *adab*, dan *maslahah*.

Secara keseluruhan, perbezaan antara Islam dan Barat dalam wacana hak asasi manusia berpunca daripada asas falsafah dan teologi yang berbeza. Islam menegaskan nilai berasaskan tauhid, wahyu dan maqāsid, sedangkan Barat membangunkan nilai berdasarkan rasionalisme dan pengalaman sejarah. Berdasarkan perbezaan tersebut, Islam menafsirkan hak sebagai amanah yang disertai tanggungjawab moral, manakala Barat menafsirkan hak sebagai kebebasan individu tanpa batas moral yang tetap.

### Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa perdebatan hak asasi manusia (HAM) antara Islam dan Barat bukan sekadar persoalan asas ideologi, perundangan, tetapi merupakan pertarungan falsafah yang menjadi jurang mendalam. HAM Barat berpaksikan liberalisme, humanisme, dan sekularisme, dengan menjadikan kebebasan mutlak individu. Sebaliknya, HAM Islam berpaksikan akar pada tauhid, maqasid syariah, dan konsep istikhlaf, yang meletakkan hak sebagai amanah Tuhan dengan keseimbangan antara kebebasan dan tanggungjawab.

Dapatan menunjukkan terdapat titik-titik konflik yang amat signifikan, khususnya dalam isu kebebasan beragama, kesetaraan gender, dan pelaksanaan undang-undang. Namun, terdapat juga persamaan, seperti pengiktirafan terhadap maruah terhadap manusia, hak hidup, dan keadilan sosial. Pertemuan ini membuka ruang kepada dialog peradaban yang lebih konstruktif, walaupun masih ada cabaran epistemologi dan geopolitik.

Secara ideologis, kajian ini menyorot bahawa HAM Barat tidak benar-benar bersifat universal kerana berakar daripada sejarah, falsafah, dan pengalaman Eropah yang bersifat partikular, menyebabkan wujud pertentangan apabila diaplikasikan terhadap sesetengah masyarakat dan tradisi agama lain. Sebaliknya, Islam menawarkan pendekatan yang lebih holistik berasaskan tauhid dan maqāsid al-sharī‘ah, yang bukan sahaja sesuai untuk umat Islam, tetapi juga berpotensi menjadi asas normatif bagi seluruh manusia kerana ia berpaksikan keadilan, maruah, dan keseimbangan hak serta tanggungjawab. Dengan sifatnya yang teosentrik, Islam tidak menafikan hak asasi bukan Muslim, bahkan menjamin keadilan dan keselamatan mereka dalam kerangka *karāmah insāniyyah* (kemuliaan manusia sejagat) sebagaimana ditegaskan dalam al-Qur’an dan Piagam Madinah.

## Rujukan

- Afdal, A., & Waston, W. (2015). Kritik Terhadap Epistemologi Universal Declaration of Human Rights: Perspektif Islam. *Profetika: Jurnal Studi Islam*, 16(2), 117-126.
- Alfaruqi, D. (2017). Korelasi Hak Asasi Manusia dan Hukum Islam. *SALAM: Jurnal Sosial dan Budaya Syar-i*, 4(1), 57-76.
- Almahfali, M., & Avery, H. (2023). Human Rights from an Islamic Perspective: A Critical Review of Arabic Peer-Reviewed Articles. *Social Sciences*, 12(2), 106. <https://doi.org/10.3390/socsci12020106>
- Amril, A., Siraj, F. M., & Putri, E. W. (2022). Between Western Philosophy and Islamic Philosophy. *Ibda': Jurnal Kajian Islam Dan Budaya*, 20(2), 219-231. <https://doi.org/10.24090/ibda.v20i2.6362>
- Asadi, T. (2015). En route to the US Constitution: Founding Fathers and Lockean philosophy. *Historia constitucional: Revista Electrónica de Historia Constitucional*, (16), 407-418.
- Asnawi, H. S. (2012). Hak Asasi Manusia Islam dan Barat: Studi Kritik Hukum Pidana Islam dan Hukuman Mati. *Supremasi Hukum: Jurnal Kajian Ilmu Hukum*, 1(1).
- Asriadi, A., Nasution, M. Y., & Sugianto, S. (2023). The Characteristics Of Property And Ownership In The Islamic Economy. *Academy of Education Journal*, 14(2), 237-244.
- Atmaja, L., & Mustopa, R. R. B. C. (2020). Metaphysics in the epistemology: A critical analysis of Islamic and Western philosophical tradition. *Afkaruna: Indonesian Interdisciplinary Journal of Islamic Studies*, 16(1), 22-39.
- Azman, A. I. B., Zan, N. B. M., Manokaran, E., & Ismail, Z. S. B. (2021). Penerimaan dan Penolakan Masyarakat Bukan Islam di Malaysia terhadap Hukum Jenayah Islam: Perbincangan dari Sudut Budaya Malaysia. *Current Legal*, (3).
- B.M. van Schaik (2023) The right to apostasy recognised? Reaffirming the right to religious freedom, *Politics, Religion & Ideology*, 24:2, 267-287, DOI:10.1080/21567689.2023.2216138
- Begum, M. S. I., Ismail, I., Yaakob, Z. A., Razick, A. S., & Abdullah, M. M. A. (2024). Gender Equity in Muslim Family Law: Modern and Contemporary 'Ulamā's View. *Al-Ahkam*, 34(2), 221-256.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative research journal*, 9(2), 27-40.
- Božilović, J., & Nikolajević, A. (2022). The Social Theory of Jean-Jacques Rousseau. *Kultura polisa*, 19(1), 121-142. <https://doi.org/10.51738/Kpolisa2022.19.1r.7bn>
- Čustović, A. (2025). Equal Before God but Not Equal Before His Law? Sharia Law and Women's Right to Interpretation in the Light of the Human Rights Debate. *Religions*, 16(3), 362. <https://doi.org/10.3390/rel16030362>
- Dall'Agnol, D. (2017). Respect in Kant's Tugendlehre and its place in contemporary ethics. *ethic@-An international Journal for Moral Philosophy*, 16(3), 437-458.
- Danchin, P. G. (2009). Who is the "Human" in Human Rights? The Claims of Culture and Religion. *Maryland Journal of International Law*, 24(1), 99. [https://works.bepress.com/peter\\_danchin/18/download/](https://works.bepress.com/peter_danchin/18/download/)
- Darajati, M. R., & Syafei, M. (2020). Politik hukum pembentukan dua kovenan HAM internasional tentang hak sipil politik dan hak ekonomi sosial budaya. *Syiah Kuala Law Journal*, 4(2), 106-122.
- Donnelly, J. (1982). Human rights and human dignity: An analytic critique of non-Western conceptions of human rights. *American Political Science Review*, 76(2), 303-316.
- Donnelly, Jack (2006) "The Relative Universality of Human Rights (Revised)," *Human Rights & Human Welfare: Vol. 6: Iss. 1, Article 48*.

- Girija, R. (2024). Concept of ideology: views of major political thinkers. *ShodhKosh Journal of Visual and Performing Arts*, 5(3). <https://doi.org/10.29121/shodhkosh.v5.i3.2024.3932>
- Gunn, T. J. (2020). Do Human Rights Have a Secular, Individualistic & Anti-Islamic Bias?. *Daedalus*, 149(3), 148-169.
- Hanim, H. (2020). Peranan wanita dalam Islam dan feminisme barat. *At-Tarbawi: Jurnal Pendidikan, Sosial Dan Kebudayaan*, 12(2), 140-150.
- Herlina, H., Suraidah, S., Puspita, Y., & Efendi, D. (2022). Filsafat Ilmu dan Ilmu Pendidikan. *Syntax Idea*, 4(7), 1122–1130. <https://doi.org/10.46799/syntax-idea.v4i7.1883>
- Ismail, I., & Hassan, A. M. H. (2021). Pemikiran Sisters in Islam dan hak asasi manusia. *Akademika*, 91(1), 151-164.
- Karimullah, S. S. (2023). The Relevance of the Concept of Justice in Islamic Law to Contemporary Humanitarian Issues. *Al-Ahkam: Jurnal Ilmu Syari'ah Dan Hukum*, 8(1), 77–91. <https://doi.org/10.22515/alahkam.v8i1.7654>
- Kateb, G. (2009). Locke and the Political Origins of Secularism. *Social Research*, 76(4), 1001–1034. <http://www.jstor.org/stable/40972199>
- Kenneth D. Stern, John Locke and the Declaration of Independence, 15 *Clev.-Marshall L. Rev.* 186 (1966).
- Khojir, K. (2011). Membangun Paradigma Ilmu Pendidikan Islam: Kajian Ontologi, Epistemologi dan Aksiologi. *Dinamika Ilmu*, 11(1). <https://doi.org/10.21093/DI.V11I1.51>
- Lindkvist, L. (2013). The politics of article 18: religious liberty in the Universal Declaration of Human Rights. *Humanity: An International Journal of Human Rights, Humanitarianism, and Development*, 4(3), 429-447.
- Little, D. (2016). Human Rights, Religious Freedom, and Peace. *BYU Law Review*, 2016(4), 1215-1236. <https://digitalcommons.law.byu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=3059&context=lawreview>
- Mahfud, P. (2019). Mengenal filsafat antara metode praktik dan pemikiran socrates, plato dan aristoteles. 5(1), 119–140. <https://doi.org/10.37348/CENDEKIA.V5I1.68>
- Mare, M. S., Ndonga, M. C., & Meo, M. L. (2024). Menilik Problematika Human Trafficking di Provinsi NTT dalam Perspektif HAM Menurut John Locke. *ARMADA: Jurnal Penelitian Multidisiplin*, 2(5), 334-339.
- Millati Agustina, A. (2021). Gender Construction in the Perspective of Living Fiqh in Indonesia. *Justicia Islamica*, 18(2), 189–210. <https://doi.org/10.21154/justicia.v18i2.2488>
- Ni'mah, S. J., Murjazin, M., Nurhuda, A., Lathif, N. M., & Al Fajri, M. (2024). Ontology, Epistemology, and Axiology of Islamic Educational Philosophy: An Introduction. *Matan*, 6(1), 32. <https://doi.org/10.20884/1.matan.2024.6.1.11367>
- Rabie, M. (2013). *Ideology and History* (pp. 127–153). Palgrave Macmillan, New York. [https://doi.org/10.1057/9781137365330\\_8](https://doi.org/10.1057/9781137365330_8)
- Ritonga, D. A., & Ichsan, M. (2025). Hak Asasi Manusia (HAM) dalam Perspektif Islam dan Barat. *Politika Progresif: Jurnal Hukum, Politik dan Humaniora*, 2(2), 193-204.
- Said, H. M. M., Fachrudin, A. P., & Anwar, C. F. (2023). Konsep Hak Asasi Manusia dalam Perspektif Islam dan Barat. *Iqtishad Sharia: Jurnal Hukum Ekonomi Syariah & Keuangan Islam*, 1(1), 51-61.
- Said, H. M. M., Fachrudin, A. P., & Anwar, C. F. (2023). Konsep Hak Asasi Manusia dalam Perspektif Islam dan Barat. *Iqtishad Sharia: Jurnal Hukum Ekonomi Syariah & Keuangan Islam*, 1(1), 51-61.
- Samuji, S. (2022). Understanding, Basics and Characteristics of Philosophy. *Jurnal Paradigma*, 14(1), 1-11.

- Sasmita, E., Righayatsyah, E., & Muhyi, A. A. (2024). Islam and Human Rights in the Perspective of the Qur'an: A Thematic Interpretive Study: Islam dan Hak Asasi Manusia Dalam Perspektif Al-Qur'an: Kajian Tafsir Tematik. *Bulletin of Islamic Research*, 2(2), 267-288.
- Sasmita, E., Righayatsyah, E., & Muhyi, A. A. (2024). Islam and Human Rights in the Perspective of the Qur'an: A Thematic Interpretive Study. 2(2), 267-288. <https://doi.org/10.69526/bir.v2i2.35>
- Scherer, M. (2014). Secularism. In *The Encyclopedia of Political Thought*, M.T. Gibbons (Ed.). <https://doi.org/10.1002/9781118474396.wbept0922>
- Simanjuntak, T. G., Harahap, L. R., Arida, C., Yusfani, M., & Kurniawan, C. S. (2025). Fundamental Human Rights in the Islamic Perspective. *International Journal of Law, Social Science, and Humanities*, 2(2), 197-204.
- Sofi, S. A. (2016). A Comparative Study of Human Rights in Islam and Universal Declaration of Human Rights. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 6(1), 37-46.
- Stahnke, T., & Blitt, R. C. (2005). United States Commission On International Religious Freedom.
- Suhaimi, S., Rezi, M., & Hakim, M. R. (2023). Al-maqâshid al-syarî'ah. *Sahaja*, 2(1), 153-170. <https://doi.org/10.61159/sahaja.v2i1.13>
- Sundaramoorthy, L. (2016). Is the idea of human rights a universal concept. *Merici*, 2, 23-29.
- Syafridi, S., Syafrinaldi, S., & Suparta, E. (2019). Hak Asasi Manusia dan Demokrasi Dalam Konsep Negara Hukum. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(1), 133-142.
- United Nations. (n.d.). Universal Declaration of Human Rights | United Nations. <https://www.un.org/en/about-us/universal-declaration-of-human-rights>
- van Schaik, B. M. (2023). The right to apostasy recognised? Reaffirming the right to religious freedom. *Politics, Religion & Ideology*, 24(2), 267-287. <https://doi.org/10.1080/21567689.2023.2216138>
- Vohra, A. (2023). Feminism in the Middle East: An analysis into Western, Islamic, and Secular Feminism. *Crossings An Undergraduate Arts Journal*, 3(2). <https://doi.org/10.29173/crossings117>